

GARIS PANDUAN PENGURUSAN

DANA KANDUNGAN DIGITAL (DKD) INDUSTRI MUZIK

1. TUJUAN

Garis Panduan Pengurusan Dana Kandungan Digital (DKD) Industri Muzik adalah bertujuan menetapkan proses tadbir urus, menyelaraskan dan memantau pelaksanaan pengurusan DKD Industri Muzik.

2. LATAR BELAKANG

Dana Kandungan Digital (DKD) yang dahulu dikenali dengan Dana Industri Kandungan Digital (DIKD) mula diperkenalkan pada April 2015 sebagai kesinambungan Dasar Industri Kreatif Negara (DIKN) yang telah dilancarkan pada tahun 2012 dan sejajar dengan penubuhan *Content Malaysia Pitching Centre* (CMPC) yang bertujuan untuk memperkemas dan mempermudah penyaluran dana-dana berkaitan industri kandungan kreatif.

3. OBJEKTIF

Objektif DKD Industri Muzik adalah bertujuan:-

- i. Memudahkan dan menggalakkan penggiat industri dalam penghasilan, penerbitan dan penyebaran kandungan berkaitan muzik yang berdaya cipta dan berupaya dipasarkan di pasaran tempatan dan antarabangsa;
- ii. Membangunkan modal insan yang bermutu bagi mengembangkan potensi industri muzik; dan
- iii. Membangunkan industri muzik yang berdaya saing dan memberi impak ekonomi yang positif.

4. KATEGORI DKD INDUSTRI MUZIK

Terdapat satu (1) kategori DKD Industri Muzik yang disediakan seperti berikut:

i. Dana Persembahan Muzik

Memberi tumpuan kepada penganjuran acara berbentuk persembahan atau konsert. Jumlah peruntukan pembiayaan adalah seperti berikut

Bil.	KATEGORI	PEMBIAYAAN
1	Penganjuran acara berbentuk persembahan atau konsert muzik (A)	RM300,000.00
2	Penganjuran acara berbentuk persembahan atau konsert muzik (B)	RM150,000.00

*Sebarang projek berlainan daripada yang dinyatakan di atas **TIDAK** akan diterima

5. KRITERIA KELAYAKAN PEMOHON

Setiap pemohon perlu memenuhi kriteria yang telah ditetapkan untuk dipertimbangkan dan dinilai seperti berikut –

BIL.	SYARIKAT
1	Pemilikan tunggal, perkongsian, perkongsian liabiliti terhad, sendirian berhad atau berhad yang ditubuhkan di Malaysia
2	Berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia
3	Tidak bankrap, tidak tertakluk kepada satu perintah penggulungan dan tidak disenarai hitam oleh agensi atau jabatan yang berkuatkuasa

6. SENARAI SEMAK PERMOHONAN

Pemohon hendaklah mengemukakan dokumen – dokumen seperti berikut –

Bil.	SYARIKAT
1	Salinan Sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia
2	Salinan Kad Pengenalan Pemilik
3	Portfolio Projek Terdahulu (sekurang-kurangnya 3 tahun dalam industri)
4	Kertas Cadangan Projek (Arial 14, 1.5 spacing, word/pdf/ppt)
5	Bajet yang lengkap (berdasarkan jumlah yang dipohon)

7. OUTPUT PROJEK DKD INDUSTRI MUZIK

DANA PEMENTASAN MUZIK

Bil.	KATEGORI PROJEK	OUTPUT
1	Penganjuran acara* berbentuk persembahan atau konsert muzik (A)	<ul style="list-style-type: none">▪ Pelaksanaan satu (1) acara berbentuk persembahan atau konsert muzik▪ Satu (1) video acara penuh berkualiti tinggi
2	Penganjuran acara* berbentuk persembahan atau konsert muzik (B)	<ul style="list-style-type: none">▪ Pelaksanaan satu (1) acara berbentuk persembahan atau konsert muzik▪ Satu (1) video acara penuh berkualiti tinggi

*Perincian bajet mestilah bersesuaian dengan jumlah dana yang dipohon (RM150k atau RM300k) termasuk produksi, pemasaran, dokumentasi, tenaga kerja, artis, pemuzik, perlesenan dan kos-kos lain yang relevan.

* Keutamaan akan diberikan kepada projek yang menjanakan bilangan perkerjaan yang tinggi melibatkan penggiat industri muzik

*Acara yang dicadangkan/dipohon hendaklah melibatkan penjualan tiket dan terbuka kepada orang awam